

PENILAIAN BILIK DARJAH
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 4

TAJUK : PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

1. Tentukan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang terlibat dalam situasi – situasi di bawah.

Entiti berasingan	Pengiktirafan hasil dan belanja	Kos manfaat	Wang sebagai ukuran
Tempoh perakaunan	Ketekalan	Prinsip kos	Entiti berasingan

Situasi	Andaian. Prinsip atau Batasan Perakaunan
Encik Samson mengambil barang niaga dari kedainya untuk kegunaan anak. Perkara ini telah direkodkan dalam Akaun Ambilan	
Puan Halimah tidak bersetuju dengan keputusan pekongsinya mengubah kaedah pengiraan susut nilai perniagaan kerana ini akan memberikan kesan kepada Penyata Kewangan	
Pak Abu seorang tukang gunting rambut mengenakan bayaran RM15 bagi setiap pelanggan yang meminta perkhidmatan menggunting rambut daripadanya	
Perniagaan Salmah menyediakan Penyata Kewangan setiap enam bulan untuk mengetahui prestasi perniagaannya	
Sebuah kenderaan perniagaan dibeli oleh Kedai Roslan pada tahun 2012 dengan harga RM56 000. Selepas 3 tahun, kenderaan mengalami kejatuhan harga kepada RM35 000 sahaja. Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Roslan, kenderaan tersebut tetap direkodkan sebagai RM56 000.	
Ketika menyediakan Penyata Kewangan semua belanja belum bayar dan prabayar perlu diambil kira semasa menghitung untung bersih perniagaan	
Kilang Kain Wangsa Maju membuat keputusan membeli sebuah mesin kain yang lebih canggih dan dijangka meningkatkan keuntungan kilang untuk beberapa tahun akan datang	
Seorang pekongsi telah membawa masuk tunai RM50 000 ke dalam perkongsian untuk meningkatkan kecairan tunai perkongsian. Perkara ini telah direkodkan ke dalam Akaun Modal pekongsi berkenaan	

